

Uchapan : AD40
445
64/80

3

Uchapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran
Enche Hussein Onn di-upachara perasmian
bangunan tambahan Sekolah Menengah Notre
Dame Convent, Melaka, pada 24hb. Jun, 71
pukul 2.30 petang.

Terlebeh dahulu saya ucapkan berbanyak terima
kaseh kapada Lembaga Pengelola, Pengetua, guru2 dan murid2
Sekolah Menengah Notre Dame Convent yang telah menjemput *saya*
hadhir di-upachara hari ini. Ini merupakan upahcara sekolah
yang terakhir dalam bidang lawatan resmi saya yang pertama
ka-negeri yang bersejarah ini, dan saya berharap dalam lawatan
yang sengkak ka-sekolah ini saya akan berpeluang juga
menyaksikan sebanyak sedikit kerja murid2 serta bertemu
ramah dengan guru2 mereka.

Saya sering kali rasa ke^{*astounding*}gaguman apabila
berpeluang melawat sekolah2 'mission' saperti sekolah ini.
Kegaguman saya itu adalah terdapat daripada kesedaran
bahawa sejak tertuboh-nya sekolah 'mission' yang pertama
di-negara kita ini dalam abad yang lalu, maka sekolah2

tersebut telah berjasa dengan sumbangan2-nya yang luas lagi berkesan dalam lapangan pendidikan. Semangat dan filasafah 'self reliance' sekolah2 tersebut serta ketekunan dan ketabahan azam guru2-nya terhadap tugas2 pendidikan yang di-kendalikan mereka itu adalah chontoh tauladan yang gemilang kepada kita semua.

Sekolah ini, saya telah di-fahamkan, hanya dalam tahun ke-dua belas usia-nya ia-itu di-tubuhkan dalam tahun 1960 dengan hanya 2 buah kelas dan 3 orang guru. Dalam masa yang sengkat sahaja, maka sekolah ini telah berkembang dengan pesat-nya, dan kedudukan-nya sekarang ia-lah 15 buah kelas, 27 orang guru dan hampir 600 orang murid. Yang lebeh menarek dari segi latarbelakang sejarah-nya itu ia-lah bahawa dalam masa yang sama sekolah ini telah berjaya mengendali 3 peringkat pembangunan yang mana jumlah perbelanjaan kesemua-nya melebihi \$300,000/= dan saya telah di-beri penghormatan pada hari ini untuk merasmikan pembukaan peringkat ketiga, ia-itu projek akhir di-sisi pembangunan-nya.

Saya menyentoh bidang pembangunan ini untuk menegaskan bahawa hampir separoh daripada perbelanjaan bagi projek pembangunan yang berharga lebih daripada \$300,000/= ada-lah di-tanggung oleh pihak sekolah sendiri. Ini adalah satu kejayaan yang patut di-beri penghormatan yang tinggi. Dalam usaha Kerajaan untuk menyediakan peluang2 dan kemudahan2 pendidikan yang saluas2-nya kepada raayat, dan dalam pada itu menentukan juga bahawa 'quality dan variety-nya' itu tidak pula terjejas maka jumlah perbelanjaan yang begitu besar terpaksa di-peruntokkan bagi bidang pendidikan, dan lagi perbelanjaan pendidikan kian meningkat dari sa-tahun ka-setahun. Dengan hal yang demikian amatlah wajar bagi pihak2 tertentu, sama ada kalangan swasta mahu pun organisasi2 atau orang2 persaorangan, turut menyumbang terhadap perbelanjaan tersebut memandangkan bahawa bidang pendidikan dalam erti kata yang luas ada-lah tanggung-jawab kita bersama.

Saperkara lagi yang ingin saya menyentoh dalam ucapan saya ini ia-lah tentang bentok dan chorak pendidekan di-sekolah2. Dalam zaman yang serba moden ini yang mana persaingan dalam sebarang bidang kehidupan ada-lah amat hebat, baik di-pandang dari segi keadaan dalam negeri mahu pun dari segi kedudukan dalam bidang antarabangsa, maka keadaan pendidekan itu sendiri harus-lah sejajar dengan chabaran2 yang di-hadapi dalam zaman ini. Oleh itu murid2 tidak lagi sepatut-nya menumpukan pengajian mereka hanya kepada bidang akademik dan kepada aliran sastera semata2. Pendidekan yang di-sediakan di-negara kita sekarang adalah berorantasikan kepada Sains dan Teknologi, manakala salah satu matlamat utama yang di-tujui-nya adalah untuk menyesuaikan pengetahuan dan kemahiran murid dengan kehendak dan keperluan bidang2 pekerjaan yang menantikan mereka kelak, dan ini tidak sekali2 terbatas kepada apa yang biasa di-sebutkan sebagai 'white collar jobs' sahaja. Maka pada hakikat ini-lah Kementerian saya telah mendirikan, dan sedang meranchangkan pendirian tambahan, beberapa buah

sekolah Teknikal dan Vokeshenal di-seluruh negara untok murid2 lelaki dan juga perempuan selain daripada memperluaskan kemudahan2 sains.


Dengan hal yang demikian, saya menyeru gulongan guru2 dan murid2 di-negeri ini supaya menerima chabaran2 baru yang di-hadapi oleh bidang pendidekan itu dengan hati dan fikiran yang terbuka demi untok kepentingan masa hadapan mereka sendiri serta kemajuan dan kesejahteraan bangsa dan negara keselurohan-nya.

Saya mendapat tahu bahawa sekolah ini dalam masa yang begitu sengkat telah menchapai beberapa kemajuan tertentu, dalam bidang akademik dan juga bidang gerakerja2 luar sekolah. Istimewa sekali saya tertarek kapada kejayaan sekolah ini mendapat keputusan yang terbaik sekali di-negeri Melaka dalam Pepereksaan Malaysia Certificate of Education pada tahun yang lepas dengan peratus kelulusan-nya sebanyak 87%. Saya suka mengambil kesempatan ini menguchapkan tahniah kapada sekolah ini

atas kejayaan-nya yang chemerlang itu, tidak shak lagi bahawa kejayaan tersebut terchapai adalah hasil kerjasama yang rapat di-antara pihak Lembaga Pengelola, guru2, murid2 dan saterus-nya ibubapa sekalian, serta hasil tekun dan usaha guru2 dan murid2-nya. Saya berharap kechapaian tersebut dapat di-pertahan serta di-perbaiki lagi pada masa yang akan datang, dan lagi saya berharap sekolah2 lain di-negeri ini akan mendapat inspirasi dan perangsang daripada kejayaan Sekolah Menengah Notre Dame Convent ini untuk memberikan persaingan yang lebeh hebat kapada-nya pada tahun ini dan tahun2 sa-terus-nya.

Akhir-nya Saya dengan segala sukachita merasmikan pembukaan bangunan tambahan Sekolah Menengah Notre Dame Convent, Melaka.

~~Sekian, terima kasih.~~



ataa kejayaan-nya yang chomerlang itu, tidak anak lagi
 bahwa kejayaan tersebut adalah hasil kerjanya yang
 dapat di antara pihak lembaga pengola, guru, murid
 dan seterusnya itu juga sekalian, serta hasil team dan
 usaha guru dan murid-nya. Saya berharap ke hadapan
 tersebut dapat di-pertahan serta di-perbaiki lagi pada
 masa yang akan datang, dan lagi saya berharap sekalian
 lain di-negeri ini akan mendapat inspirasi dan semangat
 daripada kejayaan Sekolah Menengah Notre Dame Convent
 ini untuk memberikan perangsang yang lebih hebat kepada
 nya pada tahun ini dan tahun sa-tahun-nya.
 Saya dengan segala sukacita meremikan



Convent, Melaka.

No. Siri	42
No Penerimaan	42/80